





Kunjungan hormat

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menerima kunjungan hormat Presiden Jerman, Frank-Walter Steinmeier di pejabatnya di Putrajaya.

Steinmeier tiba di Ibu negara semalam bagi memulakan lawatan negara ke Malaysia sehingga Sabtu ini sebagai sebahagian usaha mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

Ketibaan Steinmeier dan isteri Elke Budenbender, serta delegasi termasuk pegawai kanan dan ahli perniagaan disambut menteri pengiring, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Azmi Nik Ahmad sebelum diberi sambutan kawalan kehormatan setempat oleh Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja diketuai Kapten Arifuddin Md. Yusuf.

■ ANWAR Ibrahim ketika mengadakan pertemuan dengan Frank-Walter Steinmeier di pejabatnya di Bangunan Putra Perdana di Putrajaya, semalam.

- UTUSAN/FAISOL MUSTAFA